

Sorotan 2007: Coretan Perjalanan

Program Outreach Menjelajah Ke Kelantan

15 Mei 2007

Program Outreach Melalui Kaunselor telah menjelajah ke negeri Kelantan sebagai usaha mempromosikan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kepada kaunselor daerah Jeli sempena Program 'Jom Kelik Kapong' yang diadakan pada 13 hingga 17 Mei 2007 lalu.

Program diadakan selama sehari pada 15 Mei 2007, bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bunga, Jeli. Ia melibatkan penyertaan seramai 60 orang kaunselor dari sekolah rendah dan menengah kawasan terbabit.

Program dimulakan dengan ceramah mengenai fasiliti dan program pengajian yang terdapat di UniMAP. Ceramah disampaikan oleh Dekan Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan, Tuan Haji Huzili Husin dan pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar, Cik Mahyun Ab. Wahab.

Pada sebelah petangnya, program Motivasi Pelajar Cemerlang turut diadakan di sekolah tersebut. Program terbabit menumpukan kepada pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini.

Program terbabit melibatkan 151 orang pelajar dari sekolah-sekolah menengah sekitar daerah Jeli. Selain ceramah motivasi yang disampaikan Tuan Haji Huzili Husin, pelajar juga didedahkan dengan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang dikendalikan oleh dua orang pensyarah, Cik Hanum Hassan dan Cik Mahyun Ab. Wahab.

